

16 APR 1998

Mahathir-MAS

PENYUSUNAN SEMULA MAS BOLEH DITERUSKAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Azman Hashim

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) - Kerajaan tidak akan menghalang Penerbangan Malaysia (MAS) daripada menyusun semula syarikat itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata tidak ada salahnya bagi MAS berbuat demikian.

"Saya tidak nampak kenapa kita harus menghalang mereka, kecuali jika mereka melakukan sesuatu yang salah," kata beliau ketika ditanya oleh pemberita sama ada kerajaan akan membenarkan syarikat itu meneruskan rancangan penyusunan semula itu.

"Saya berpendapat prestasi mereka sekarang adalah baik," kata beliau selepas mengunjungi Presiden Uganda Yoweri Kaguta Museveni.

Ketika ditanya sama ada wajar bagi Pengerusi MAS Tan Sri Tajudin Ramli, yang juga pemegang saham utamanya, menyusun semula syarikat itu bagi menjelaskan hutang peribadinya, Dr Mahathir berkata: "Tidak, jika ada yang tidak kena, kita akan menyiasat.

"...tetapi setahu saya, beliau tidak melakukan sebarang kesalahan, kenapa harus kita risau mengenainya."

Tajudin menguasai 52 peratus kepentingan dalam Malaysian Helicopter Services Bhd (MHS), syarikat yang memegang 32 peratus saham MAS.

Tajudin, yang dilaporkan terhutang RM800 juta, tercatat dalam sejarah korporat sebagai penerima kemudahan pinjaman terbesar iaitu sebanyak RM1.79 bilion yang pernah diberikan kepada seseorang individu di negara ini.

Beliau menggunakan pinjaman pada Julai 1994 itu untuk membeli 32 peratus saham MAS menerusi MHS.

Pinjaman itu diatur oleh RHB Sakura Merchant Bankers (ketika itu dikenali D&C Sakura Merchant Bankers Bhd), dan diuruskan oleh Bank Bumiputra Malaysia Bhd, dengan Sime Bank Bhd (dahulunya United Malayan Banking Corporation), RHB Bank (dahulunya Development and Commercial Bank) dan Arab-Malaysian Merchant Bank, sebagai pemberi pinjaman yang lain.

Mengenai tanggapan kononnya penyusunan semula itu adalah satu usaha menyelamatkan, Dr Mahathir berkata: "Semua orang kata ia satu usaha menyelamatkan, semua orang mahu melihat semua syarikat kita jatuh, dan apabila ia jatuh, mereka berkata ia sudah bankrap, dan dengan itu, pasaran saham merosot lagi."

Ketika ditanya sama ada perlu atau tidak MAS menjual pesawatnya, beliau berkata: "Pelbagai pihak menjual pesawat bagi membolehkan mereka menyewanya kembali...itulah cara mereka uruskan."

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan menerbitkan hasil penilaian Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengenai negara ini, beliau berkata tidak ada sebabnya kenapa ia perlu diterbitkan.

"Mereka (IMF) telah datang, mereka telah memberikan laporan mereka, (dan) Kementerian Kewangan telah membacanya, saya tidak nampak kenapa kita harus hebakkannya tetapi (Michel) Camdessus (pengarah urusan IMF) dan yang lain telahpun membuat kenyataan mereka dan mereka berpendapat bahawa apa yang kita lakukan adalah betul," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak diletakkan di bawah pengawasan atau menerima bantuan daripada IMF seperti Thailand.

Thailand, yang menerima bantuan kewangan daripada tabung itu, telah menyiarkan hasil penilaian IMF mengenai negara itu.

"Kita tidak sebegitu tertakluk kepada IMF seperti mana Thailand, jadi kita tidak perlu melakukan apa saja yang dilakukan oleh negara-negara yang terikat kepada IMF," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA  
AH MAI